

08 MAY 1996

Mohamed-Tolak

UMNO TOLAK SATU PENDAFTARAN UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Ibu Pejabat Umno telah menolak permohonan seorang anggota parti yang mengemukakan borang untuk mendaftar bertanding jawatan Timbalan Presiden.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata penolakan itu dibuat berasaskan kepada keputusan Majlis Tertinggi (MT) parti untuk tidak membolehkan mana-mana anggota lain mendaftar diri bertanding bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Ketika mengumumkan senarai pendaftaran bagi pemilihan Umno pada Oktober ini pada persidangan berita di sini, beliau mengulangi keputusan MT pada Sabtu lepas yang berpegang kepada keputusan Perhimpunan Agung Umno 1995 bahawa kedua-dua jawatan tidak dipertandingkan.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata MT pada keputusan itu bersetuju bahawa Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak perlu mendaftar diri dalam proses pendaftaran yang selesai semalam.

"Diputuskan juga dalam mesyuarat itu bahawa tiada orang lain yang layak untuk menawar diri bertanding bagi jawatan-jawatan itu. Andaikata ada orang-orang lain yang nak bertanding dan hendak mendaftar diri bertanding bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, permohonan mereka itu akan ditolak," katanya.

Mohamed berkata, beliau telah merujuk kepada pucuk pimpinan parti mengenai perkara itu sebelum membuat keputusan menolak pendaftaran itu.

Katanya, hanya anggota terbabit mendaftar untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden sementara jawatan Presiden tidak menerima sebarang pendaftaran sebagaimana keputusan parti.

"Saya tak mahu sebut siapa dia (anggota Umno itu) atau dari mana dia, saya menganggap ini sebagai satu gimik sahaja, sebagai satu usaha yang kononnya hendak menyatakan tiada demokrasi, tetapi saya percaya ada matlamat-matlamat tertentu, yang dibuat oleh orang yang berkenaan," katanya.

Ditanya sama ada anggota terbabit akan dikenakan tindakan disiplin kerana mengingkari keputusan parti, Mohamed berkata Ibu Pejabat parti akan memerhati tindakan yang akan diambil oleh anggota terbabit mengenai penolakan itu sebelum mengambil tindakan lanjut.

"Saya nak tengok dulu apa dia nak buat. Buat masa ini dengan kuasa yang telah diberi kepada saya, saya telah tolak kertas pencalonannya," katanya sambil menambah kata bahawa beliau tidak mahu memberi publisiti murah kepada anggota itu. -- BERNAMA

AFY AHH